UUM/PD49/HM/19.08.2005/p:56 (2)

KARNIVAL SUKAN IMT-GT

Hm 19/08/05 56:2.

107 WARGA UUM HADAPI CABARAN

SERAMAI 107 warga Universiti Utara Malaysia (UUM) akan menyertai Karnival Indonesia, Malaysia, Thailand – Segi Tiga Emas (IMT-GT) yang akan berlangsung di Universiti Sains Malaysia (USM) bermula esok hingga 27 Ogos ini.

Daripada jumlah itu, 60 atlit lelaki dan 47 perempuan membawa cabaran UUM dalam karnival yang berkonsepkan perpaduan dalam menjadikannya sebagai satu landasan pengembangan ilmu sejagat.

Bersempena dengan karnival itu, tujuh acara sukan dipertandingkan iaitu bola sepak, badminton (lelaki/wanita), tenis (lelaki/wanita), bola tampar wanita serta sepak takraw.

Manakala dua aktiviti lain adalah persembahan kebudayaan serta beberapa seminar bagi membincangkan hal semasa rantau Asia.

Semua peserta yang akan mewakili kampus Sintok telah menjalani latihan selama dua minggu untuk menyediakan diri ke karnival tersebut.

Walaupun IMT-GT lebih kepada pertandingan sukan, objektif semua universiti terlibat bukanlah mencari kemenangan sebaliknya menjalinkan hubungan dua hala bagi memantapkan institusi pendidikan tinggi ketiga – tiga negara itu.

Karnival IMT-GT yang diperkenalkan pada 1995 adalah inisiatif UUM dalam memastikan perkembangan pesat dalam bidang ekonomi, akademik dan lain-lain.

UUM telah diberi penghormatan menjadi penganjur pertama pada 27-31 Disember 1995 dengan disertai lima buah universiti daripada tiga negara Asean.

Program itu juga bagi menyahut hasrat kerajaan untuk memajukan negeri-negeri bersempadan utara semenanjung, selatan Thailand dan Sumatera Indonesia.

Selain itu, melalui program begini juga setiap universiti terlibat mengenali budaya Asean dengan lebih mendalam kerana acara kebudayaan adalah aktiviti yang mesti diadakan.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Abdul Halim Ahmad akan mengetuai kontinjen UUM dan sasaran pingat emas pada karnival kali ini ialah bola sepak.